



KATA-KATA ALUAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Institusi Pengajian Tinggi Negara mengalami transformasi melalui pelancaran Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Antara teras strategik pelan ini ialah menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran, memperkasa IPT dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat. Pelaksanaan Fasa 1 telah menyaksikan peletakan asas ke arah transformasi pendidikan tinggi. Sehingga tahun 2015, Pelan Tindakan Fasa 2 akan menyaksikan usaha memperkukuh dan memperkasakan sektor pengajian tinggi. Fokus khusus diletakkan kepada aspek pembangunan prasarana intelektual, sahsiah pelajar, kurikulum, penyelidikan, pembangunan dan inovasi serta mempertingkatkan penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

UTM merupakan institusi pengajian tinggi yang telah melahirkan ramai modal insan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang bukan sahaja cemerlang dalam pencapaian akademik tetapi juga mempunyai sahsiah yang unggul. Graduan UTM menjadi pilihan utama majikan di negara ini kerana mereka berilmu, berkemahiran tinggi, kreatif dan inovatif, berketrampilan unggul dan berintegriti.

Kepada semua graduan pusat kerjasama UTM, saya bagi pihak Universiti merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan selamat maju jaya. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pusat-pusat kerjasama UTM atas usaha-usaha memperkasakan pendidikan tinggi seterusnya dapat merealisasikan hasrat untuk menyemarakkan lagi martabat pendidikan tinggi negara.

Sekian, terima kasih.

PROF. DATO' SERI IR. DR. ZAINI BIN UJANG
Naib Canselor